

MERANCAKKAN DANA PENGGERAK  
INDUSTRI BUKU NEGARA

BELAJAR DARIPADA 13 MEI

# DM Dewan Masyarakat

ديوان مشاركة

Sosiobudaya • Politik • Ekonomi  
BIL. 5 2015



## KEMELUT MEMAHAMI PERLEMBAGAAN

Semenanjung Malaysia RM6.50  
Sabah/Sarawak RM6.00  
Brunei Darussalam B\$5.50  
Singapore S\$5.60

KK 001 90253 0515  
ISSN 0419-0085



# KANDUNGAN

Jilid 53 • Bil. 06 2015/1435H  
KK 001 90763 0515 • ISSN 0419-0386

02 **BACA DAN FIKIR**

03 **NOTA EDITOR**

04 **TEROPONG DM**

10 **ISU UTAMA**

Melayi dan Islam dalam Perkembangan Malaysia  
*Oleh Tan Abul Hamid Mohamad*

14 **PENDIDIKAN**

Meluaskan Tanggungjawab yang Damanahkan  
*Oleh Suraya Samudra*

16 **SOSIAL**

Merencanakan Dana Pongpok Industri Buku Negara  
*Oleh Anisah Janang*

18 **SOSIAL**

Tiada Tempat untuk Kaki Bull  
*Oleh Siti Nur Hidayah Abdulhalim @Ummie Ak Pira*

20 **SOSIAL**

Merealisasikan Pembangunan Semula Kampung Baru  
*Oleh Rohamie Shafie*

22 **SOSIAL**

Generasi Aplikasi Permainan Video  
*Oleh Jih Wee Sew*

24 **SOSIAL**

Akademi Kotonteraan Berprestij di Dunia  
*Oleh Biya Anif*

26 **SOSIAL**


Pelaksanaan CBP Untuk Kemajuan Negara  
*Oleh Maja Nordan*

28 **INOVASI**

JN Mengungguli Prosedur Perubatan Morlan  
*Oleh Mohd B. Anif*

30 **A. KADIR JASIN BERCIKITA**

Belejar Daripada 13 Mel



Kemluat Memahami Perlembagaan  
*Oleh Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman*

32 **PANORAMA**

Tragedi ASQ65N2

34 **MEDIA**

CBP, Harau dan TVDB Dominasi Isu Media  
*Oleh Mior Kansari Shahid*

36 **UNDANG-UNDANG**

Menkahkan CBP untuk Pongpok  
*Oleh Muzaffar Syah Matow*

38 **UNDANG-UNDANG**

Kepentingan Faja dalam Parliman  
*Oleh Ismafi Hadi Kawilan*

40 **AGAMA**

Memahami Indeks Syariah Malaysia  
*Oleh Hafsam Ramli*

42 **AGAMA**

Menyukai Diri Melalui Zakat  
*Oleh Rusmah Abd. Rahim*

44 **PEMIKIRAN**

Meranti Sinar Surya di Bumi Syria  
*Oleh Alimad Fahmi Mohd. Samudra*

47 **EKONOMI**

Audit Forensik Membongkar Kebodohan  
*Oleh Rohamie Shafie*

50 **KESIHATAN**

Bahaya Penyakit Selak  
*Oleh Rashidah Shukri*

52 **PEMIKIRAN**

Sejarah Usan Ilmu yang Dilupakan  
*Oleh Alimad Zaharuddin Saif Ahmad Sabri*

54 **ANTARABANGSA**

Psikologi Ekstrem Milian IS  
*Oleh Mohd Makzan Musa*

57 **ANTARABANGSA**

Kemerkotan Politik  
*Oleh Zukhri Salleh*

60 **SERANTAU**

Spidernian Indonesia Merbantoras Dadan  
*Oleh Haid Misbah*

62 **ULASAN BUKU**

Pemerintahan Raja dan Kerajaan Perlis  
*Oleh Nurul Muhiyinnat Abdul Mutalib*

63 **ULASAN BUKU**

Gas Syil Teknologi, Ekonomi dan Impak Terhadap Iklim serta Alam Sekitar  
*Oleh Rusmah Abdul Rahim*



**Ketua Editor**

Azmi Ibrahim  
*(azmi@dbp.gov.my)*

**Editor Kanan**

Jumaidah Ahmad Ghazali  
*(jumaidah@dbp.gov.my)*

**Editor**

Anisah Janang  
*(janang@dbp.gov.my)*

**Timbalan Editor**

Suria Janib  
*(suriajanib@dbp.gov.my)*

**Pelatih**

Nurul Muhiyinnat Abdul Mutalib

**Pentadbiran**

Fauziah Yusof, Idris Idris, Saedah Wahid, Siti Nazatul Shima Zainal, Khairul Azhar Baharuddin

**Ketua Pengarah**

Datik Dr. Awang Hartyan

**Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)**

Profesor Dr. Zaharani Ahmad

**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**

Kamarul Zaman Sheharudin

**Pengarah Penerbitan**

Padihal Haji Ali

**Urusan Langganan**

Baghdan Pongedaran dan Pemasaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Jalan AKR/1, 54200 Ampang Julu Kelang, Selangor Darul Ehsan. Telefon: 03-4101 2405/ 4101 2409/ 4101 2328

Faks: 03-4101 2019

e-mail: pp@dbp.gov.my

http://www.facebook.com/DBPKlang

http://niega.dbp.gov.my

**Reka Bentuk Kulit dan**

**Reka Letak Halaman**

**HARIAN (MULFADZLI) SDN. BHD.**

**Dicetak oleh**

**HARIAN (MULFADZLI) SDN. BHD.**

No. 24 Jalan Usanawan Lima,

Kawasan Perindustrian Setapak,

Off Jalan Banting Klang, Selapak,

53200, Kuala Lumpur.

Tel: 03-4021 8655 Faks: 03-4021 8645

© HAK CIPTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2015

Tak Cipta Terpeliharai. Mana-mana hak cipta penerbitan ini tidak boleh dikuatkuasakan, disimpan dalam sistem data, atau ditapis dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Masyarakat diterbitkan setiap bulan sejak September 1963. Sidang editor bertak menyunting tulisan yang diterima sebagai tidak mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan nilai-nilai dan semangat perundangan. Jika karya tidak diterbitkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan diterbitkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikemukakan melalui pos.

Apabila anda mengirimkan sebarang tulisan, sila cantumkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun bank. Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan diterbitkan. Sila nyatakan sama ada maklumat yang dihantar kepada Dewan Masyarakat juga dihantar kepada penerbit lain atau p.m tidak. Sila amatkan tulisan anda kepada: Editor Dewan Masyarakat, Bangunan Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10304, 50926 Kuala Lumpur. Telefon: 03-2147 9264/ 2147 9260. No. Faks: 03-2147 9617.





## SEJARAH LISAN

### Ilmu yang Dilupakan

**Bangsa** dan negara yang besar serta berkebudayaan tinggi merupakan bangsa dan negara yang tahu menghargai jasa pahlawannya, baik mereka yang berjuang dengan senjata untuk mempertahankan negara atau mereka yang berjuang dengan kepintaran, siasah dan akal fikiran untuk mencapai kemerdekaan dan mengembalikan maruah bangsanya dengan mengorbankan harta benda, tenaga dan masa, mahupun mereka mengabdikan diri kepada ilmu untuk mendidik anak bangsanya.

**AHMAD ZAHARUDDIN SANI ATIMAD SABRI**

Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir,  
Universiti Utara Malaysia (UUM)

**P**ENGORBANAN tokoh zaman silam hendaklah dikenang. Seperti kita mempelajari aspek sejarah yang lain, meneliti sumbangan tokoh zaman silam akan memberikan pengajaran dan panduan kepada kita untuk membangunkan negara ini. Sebaik-baik cara mengenang mereka adalah dengan mengabadikan jasa mereka dalam bentuk buku untuk bacaan umum dan bahan pelajaran pada peringkat sekolah mahupun universiti. Pengumpulan dan penerbitan buku biografi sebegini memberikan sumbangan besar dalam usaha mendidik dan memupuk kesedaran kebangsaan, terutama dalam kalangan rakyat Malaysia serta generasi muda keseluruhannya.

Sejarah lisan tidak seharusnya dipandang sepi oleh semua pihak kerana kepentingannya tidak dapat disangkal. Apalah lagi akhir-akhir ini, wira negara banyak meninggalkan kita tanpa sempat dibukukan pengalaman berharga mereka.

Pemimpin negara tentunya banyak menyimpan khazanah pengalaman peribadi dalam kehidupan dan tugas serta

tanggung jawab yang dilalui mereka ketika menjawat jawatan penting. Pengalaman mereka menjadi peristiwa dan catatan sejarah, yang ada kalanya tidak ditemukan dalam buku sejarah atau di mana-mana sekalipun. Jika pengalaman mereka ini gagal dibukukan, maka semuanya lenyap bersama segala pengalaman penting yang dilalui dalam perjuangan masing-masing ketika membangunkan Malaysia.

Amat bertepatan sekali kenyataan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, pada hari pemergian Tun Ghazali Shafie, bahawa kerajaan sepatutnya memberikan tanggungjawab kepada pihak tertentu untuk mencatatkan pengalaman mereka bagi tujuan penerbitan demi memenuhi khazanah persuratan, serta sesuai sebagai bahan bacaan dan kajian yang merakamkan fakta dan peristiwa sejarah untuk perjuangan bangsa generasi baharu sekarang.

Tidak syak lagi bahawa pengalaman mereka yang berusaha mendapatkan kemerdekaan dan mula mengisikannya, tentulah banyak pengajarannya kepada rakyat. Peristiwa yang dialami



Kerajaan sepatutnya memberikan tanggungjawab kepada pihak tertentu untuk mencatatkan pengalaman mereka bagi tujuan penerbitan demi memenuhi khazanah persuratan, serta sesuai sebagai bahan bacaan dan kajian yang merakamkan fakta dan peristiwa sejarah untuk perjuangan bangsa generasi baharu sekarang.

- Tun Abdullah Ahmad Badawi

dari era penjajahan Inggeris, Jepun, komunis dan falsafah perjuangan mereka masing-masing merupakan catatan sejarah yang amat berharga untuk dikaji pada zaman ini, sebagai panduan dan pelajaran untuk terus mengisi kemerdekaan tanah air negara ini. Peristiwa Darurat dan tragedi 13 Mei antara peristiwa hitam dalam sejarah kebangkitan bangsa, maka kita tentulah perlu mendapatkan input peribadi mereka tentang peristiwa sejarah ini, iaitu dari perspektif mereka sebagai orang yang bertanggungjawab pada ketika itu.

Sepatutnya ada badan yang bertanggungjawab mengambil langkah menerbitkan buku biografi pejuang dari sudut perjuangan dan pengalaman mereka kerana selama ini pun kita kehilangan banyak tokoh yang berjasa kepada negara yang pergi buat selama-lamanya tanpa meninggalkan sebarang catatan untuk dihayati oleh anak cucu pada masa hadapan.

Biografi mereka seharusnya menjadi bahan rujukan yang berguna bagi pengkaji sejarah Malaysia. Bagi mencapai hasrat ini, pengkaji perlulah melakukan penyelidikan yang mendalam, pertimbangan yang matang serta penilaian yang objektif tanpa prejudis.

Ini adalah projek besar nasional yang perlu dilaksanakan secara bersama-sama oleh para sarjana di institusi pengajian tinggi tempatan serta agensi kerajaan yang lain, seperti Arkib Negara, Perpustakaan Negara, dan Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir. Buku berkenaan dengan sejarah lisan atau biografi kepimpinan Malaysia ini bebas daripada kepentingan komersial atau kepentingan politik ataupun kepentingan pihak tertentu.

Biografi menjadi sebahagian daripada pengkajian sejarah. Melalui biografi, seseorang itu dapat belajar banyak pengalaman bangsa dengan meneliti kehidupan tokoh penting. Biografi amat menarik dihasilkan kerana kita selalu didorong rasa ingin tahu tentang perwatakan dan kehidupan peribadi manusia yang terkenal, apatah lagi jika tokoh itu pujaan kita.

Hanya melalui biografi, seseorang itu dapat membaca perkara yang berlaku di balik tabir, di belakang pentas, dan dalam pemikiran tokoh yang terlibat. Sejarah lebih banyak

membicarakan hal yang luaran, sedangkan biografi lebih terperinci pengisahannya termasuklah kadang-kadang hingga kamar lidur tokoh turut dibicarakan. Sejaht manakah penyelidikan ini boleh dijalankan berkaitan dengan soal moral yang perlu diputuskan.

Memang selalu ada jurang antara imej tokoh yang rasmi sesuai dengan jawatan yang disandangnya dengan wataknya yang sebenar sebagai manusia. Dalam sejarah, kita membaca sesuatu keputusan yang dibuat dan sebab yang rasmi mengapa keputusan itu dibuat. Dalam biografi kita berpeluang mendalami sebab-musabab yang berlaku.

Kadang-kadang terdapat jurang antara pendapat peribadi seseorang dengan pendapat rasmi jawatan yang dipegangnya. Semua tokoh yang memegang jawatan awam yang penting pasti pernah mengalami hal ini yang selalu benar berlaku walaupun kita menjadi kapten yang menentukan nasib anak buah kita.

Sungguhpun biografi menjadi bahan bacaan yang menarik, agak aneh juga apabila tidak begitu banyak hasil karya biografi di Malaysia, terutama dalam bahasa Melayu. Kajian biografi merupakan penulisan tentang riwayat hidup subjek atau tokoh dari awal hingga kini. Dalam kajian ini fokus utama berkaitan dengan asal usul, latar belakang kehidupan, sifat fizikal atau watak, pengalaman yang dilalui, serta sumbangan tokoh.

Secara kesimpulannya, penulisan berbentuk sejarah lisan biografi ini merupakan usaha untuk melihat sumbangan yang dicurahkan oleh tokoh dalam pembangunan negeri dan negara. Usaha ini amat berguna untuk dijadikan teladan dan pedoman kepada generasi baharu.

Kita tidak mungkin dapat melangkah ke hadapan tanpa menoleh ke belakang. Dengan menoleh ke belakang kita mengetahui salah silap yang terdahulu dan perjalanan kita ke hadapan akan terus lancar. Namun begitu, bagaimanakah kita hendak menoleh ke belakang jika tiada sebarang catatan sejarah yang dilakukan? Sepatutnya inilah masa yang sesuai untuk menjadikan sejarah lisan agenda utama negara. 